

MAKLUMAT INOVASI 2016

i.	Nama Ketua Kumpulan :	Dr. Abdul Wafi Bin Shaari
ii.	Jawatan dan Gred :	Pegawai Veterinar, G41
iii.	Alamat :	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor, Lot 2, Jalan Utas 15/7, 40630 Shah Alam
iv.	No. Telefon Pejabat dan Tel. Bimbit serta No. Faks :	Pejabat : 03 55103900 Bimbit : 013 3064870 Faks : 03 55103903
v.	E-mail	abdulwafi@dvssel.gov.my
vi.	Senarai Ahli Kumpulan, Jawatan dan Gred	
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Dr. Nik Hamidah Bt. Nik Husin, Pegawai Veterinar G44 2. Dr. Hamdan B. Mohamed Hadi, Pegawai Veterinar G41 3. Dr. Suzana Bt. Selamat, Pegawai Veterinar G41 4. En. Fairus B. Ali, Penolong Pegawai Veterinar G27

a.	Tajuk Inovasi
	KLINIK VETERINAR BERGERAK (KVB)
b.	Ringkasan Inovasi
	<p>KVB merupakan sebuah lori 5 tan yang diubahsuai menjadi klinik veterinar. Kenderaan ini dilengkapi sangkar haiwan, meja pemeriksaan/pembedahan, penghawa dingin, peti sejuk, sinki air, “exhaust fan”, almari, lampu dan soket elektrik serta pembesar suara untuk membuat hebahan. Semua peralatan elektrik didalamnya dijana menggunakan penyambung elektrik luaran atau janakuasa mudah alih. KVB juga membawa semua peralatan, bahan dan apparatus rawatan/pembedahan termasuk drug veterinar semasa memberikan perkhidmatan.</p>

c.	Latarbelakang
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Inovasi ini dicetuskan oleh mantan pengarah JPV Selangor, Dr. Abdul Latif bin Borhan dan dilaksanakan oleh beberapa Pegawai Veterinar DVS Selangor. 2. Bermula awal 2013, satu unit kepala dan “chasis” lori telah diubahsuai menjadi sebuah klinik veterinar bergerak. Ianya mula beroperasi pada bulan Mac tahun 2014 dengan menumpukan aktiviti pemandulan dan rawatan di daerah yang tiada Pegawai Veterinar bertauliah. Pada tahun 2016, perkhidmatan klinik veterinar bergerak ini ditambah baik di mana ianya digunakan juga dalam program kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat umum iaitu Program Kembara Kesihatan Veterinar. Jadual klinik veterinar bergerak juga dikerapkan kepada 12 kali lawatan setahun ke daerah-daerah yang memerlukan perkhidmatan doktor veterinar. 3. Klinik veterinar bergerak kini telah mendapat perhatian ramai dan sering menerima jemputan untuk melaksanakan perkhidmatan klinik veterinar di program kerajaan seperti Agrofest dan Karnival Jelajah Tani peringkat negeri Selangor.
d.	Penjelasan Inovasi
	<ol style="list-style-type: none"> 1. KVB dibina dengan kos RM172,000 yang meliputi kepala lori, badan dan perabot dalaman serta peralatan-peralatan yang penting untuk rawatan/pembedahan iaitu set pembedahan, set pos-mortem, set distokia, mesin pensterilan dan mikroskop. 2. Bahan-bahan yang sentiasa dibawa semasa memberikan perkhidmatan adalah drug veterinar dan material rawatan/pembedahan seperti picagari, jarum, “infusion set”, “urinary catheter” dan sebagainya. 3. Pasukan KBV dianggotai oleh empat hingga enam orang yang terdiri daripada seorang atau lebih Pegawai Veterinar, Penolong Pegawai Veterinar dan Pemandu. 4. Secara purata, pasukan KBV membuat lawatan ke PVD yang tidak mempunyai Pegawai Veterinar sekurang-kurangnya 12 kali setahun.
e.	Faedah Inovasi
	<ol style="list-style-type: none"> 1. KVB mampu memberi rawatan haiwan di lapangan yang tidak terhad kepada rawatan “indoor” sahaja di klinik Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PVD). 2. Inovasi ini membantu memelihara profesionalisme jabatan dengan membawa Doktor Veterinar bertauliah bagi melaksanakan pembedahan dan rawatan lanjutan di PVD yang tiada jawatan ini. 3. KVB berjaya meningkatkan bilangan rawatan/pembedahan dengan drastik bagi memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat. Menurut rekod, tahun 2013 (sebelum inovasi) mencatatkan bilangan pembedahan dan rawatan rumit seperti “spaying”, “castration” dan “eye enucleation” sebanyak 31 ekor. Jumlah ini telah meningkat kepada 41 ekor (2014), 54 ekor (2015) dan 127 ekor pada 2016 (sehingga September). Ini merupakan peningkatan sebanyak 310% dalam tempoh 3 tahun. 4. Faedah lain adalah dalam bentuk kesedaran dan pengetahuan yang diperolehi oleh kumpulan sasar semasa pasukan KBV melaksanakan program seperti Kembara Kesihatan Veterinar, Jelajah Infratani dan sebagainya.